

MERITOKRASI: FAKTOR SOSIO EKONOMI DAN PELUANG PENDIDIKAN TINGGI

Oleh:

Norazlinda bt Saad
Universiti Utara Malaysia
Email: azlinda@uum.edu.my

Peluang mendapat pendidikan tinggi menjadi fokus dan ukuran kepada individu sama ada dianggap untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi atau dilihat sebagai mekanisme untuk meningkatkan status sosial sesuatu kaum. Sistem meritokrasi digunakan sebagai garis panduan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dengan mementingkan keupayaan dan kebolehan seseorang individu tanpa mengira pangkat, harta, keturunan dan agama. Kajian berbentuk diskriptif ini menggunakan pembolehubah status sosio-ekonomi ibubapa untuk melihat peluang kemasukan pelajar ke IPTA berdasarkan kepelbagaian profil latar belakang pelajar UUM. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester 1 sesi 2004/2005. Kajian ini mendapati berdasarkan sistem meritokrasi pelajar-pelajar yang sosio ekonominya rendah kurang berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA. Dapatan menunjukkan faktor-faktor seperti latar belakang ekonomi, keluarga, sosial dan pendidikan pelajar-pelajar kurang diberi perhatian. Sekiranya hanya kecemerlangan diambil kira, maka ramai pelajar-pelajar dari kawasan mundur atau daripada keluarga miskin tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan dan lain-lain akan keciciran untuk melanjutkan pelajaran mereka. Akibatnya jurang sosio-ekonomi antara yang kaya dan miskin akan bertambah lebar. Justeru, ukuran kecemerlangan (merit) dan kemampuan sosio-ekonomi boleh digunakan untuk menentukan kemasukan pelajar ke IPTA.

Pengenalan

Perkembangan yang pesat kemasukan ke sekolah dan IPT dan juga peluang mendapat pendidikan bagi semua masyarakat adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga buruh berkemahiran tinggi serta mengurangkan jurang ketidakseimbangan dalam kelayakan pendidikan. Peluang persekolahan dan yang lebih penting lagi peluang kepada pendidikan tinggi menjadi fokus individu dan kumpulan, sama ada ia dianggap sebagai peluang mencapai kedudukan lebih tinggi atau dilihat sebagai mekanisme untuk mendapatkan status sosial yang tinggi bagi sesuatu kaum.

Antara misi dan fungsi pendidikan tinggi adalah menyediakan peluang pendidikan tinggi dan pendidikan sepanjang hayat. Salah satu perkara utama yang ditekankan dalam pendemokrasian pendidikan ialah memastikan peluang pendidikan yang sama bagi menjayakan pendidikan universal. Akses kepada pendidikan tinggi merupakan peluang-peluang pendidikan yang disediakan kepada lepasan sekolah menengah untuk

meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Akses kepada pendidikan tinggi hendaklah sentiasa terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai kemahuan untuk menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan kualiti hidup masing-masing. Justeru, permintaan terhadap pendidikan tinggi terus meningkat.

Pada tahun 2002, kerajaan memperkenalkan sistem meritokrasi bagi menggantikan sistem kuota. Sistem ini mula digunakan pada pemilihan pelajar-pelajar ke IPTA bermula sesi 2002/2003. Rasional pelaksanaan sistem meritokrasi ke IPTA ialah untuk memastikan pelajar-pelajar Melayu berusaha dengan lebih tekun supaya dapat bersaing dengan kaum-kaum lain untuk mendapat tempat di IPTA; memastikan pelajar-pelajar Melayu yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA menghargainya dengan belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kecemerlangan.

Meritokrasi ialah sistem yang menggalakkan individu yang berkebolehan dipilih berdasarkan kebolehan, intelektual dan amalan dan bukannya atas dasar kekayaan, latar belakang keluarga atau status sosio-ekonomi mereka. Pertimbangan ke atas faktor-faktor keperluan seperti latar belakang, ekonomi, keluarga, sosial dan pendidikan pelajar-pelajar kurang diberi perhatian. Sekiranya hanya kecemerlangan diambil kira, pelajar-pelajar dari kawasan mundur atau daripada keluarga miskin tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan dan lain-lain akan keciciran untuk melanjutkan pelajaran mereka. Akibatnya jurang sosio-ekonomi antara yang kaya dan miskin akan bertambah lebar.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk mempunyai satu sistem yang mengutamakan keperluan golongan yang berkedudukan rendah dari segi sosio-ekonomi. Ia bukan setakat adil malah menguntungkan semua pihak. Pada masa ini, latar belakang sosio-ekonomi pelajar yang diterima masuk ke IPTA tidak diambil kira. Adalah penting untuk mengiktiraf kecemerlangan pencapaian akademik pelajar walaupun mereka datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan. Pada masa ini, ukuran kecemerlangan (merit) dan keperluan (kemampuan sosio-ekonomi) boleh digunakan untuk menentukan kemasukan pelajar ke IPTA. Semua pelajar yang tinggi kecemerlangannya mesti diberi tempat manakala mereka yang rendah kemampuan dari segi sosio-ekonomi harus mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Setakat ini belum banyak kajian dilakukan berkaitan dengan meritokrasi. Kajian ini bertujuan melihat peluang pelajar dari pelbagai latar belakang mendapat tempat di IPTA.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. mengenalpasti profil latar belakang pelajar kemasukan sesi 2004/2005 berdasarkan jantina, etnik dan sosio-ekonomi ibubapa (pendidikan, pekerjaan dan pendapatan).
2. mengkaji hubungan antara status sosio-ekonomi ibubapa (pendidikan, pekerjaan dan pendapatan) dengan merit pelajar.

Tinjauan Literatur

Faktor-faktor yang menentukan status sosio-ekonomi adalah taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibubapa pelajar (Rosna Awang Hashim, et al., 2003). Kajian oleh Anuar Abdullah (1990) ke atas 70 orang pelajar mendapati terdapat perkaitan yang positif di antara pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibubapa dengan pencapaian akademik anak. Berns (1993) menyatakan bahawa faktor pendapatan menghalang ibubapa daripada menyediakan keperluan dan kemudahan kepada anak-anak untuk belajar. Ibubapa yang menerima pendapatan yang rendah tidak dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang baik kepada anak. Ia akan mempengaruhi pencapaian akademik anak.

Menurut Noraini (dalam Zukina Yusoff, 2003), anak-anak daripada keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang tinggi adalah lebih maju dalam pendidikan dan mempunyai gred yang tinggi berbanding anak-anak yang datang daripada keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah. Ini kerana dalam keadaan status sosial yang tinggi, ibubapa dapat menyediakan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang selesa kepada anak-anak mereka. Ibubapa yang berstatus tinggi mampu menyediakan keperluan pendidikan sejak dari kanak-kanak lagi. Ini membolehkan anak-anak mereka lebih berjaya dan berpeluang masuk ke IPT sedangkan mereka yang tidak mampu terlepas peluang. Peluang untuk mendapat pendidikan tinggi memerlukan sejumlah kos yang agak banyak. Sharifah Mohd Noor (1992) mendapati kelemahan anak-anak daripada kaum India adalah berhubung rapat dengan status sosio-ekonomi keluarga mereka.

Menurut Ponnu et al., (1995), pelajar perempuan lebih ramai memperolehi keputusan yang cemerlang berbanding pelajar lelaki. Lazimnya pelajar perempuan lebih rajin dan bersikap positif serta bercita-cita tinggi. Pelajar lelaki pula mempunyai sikap yang sebaliknya. Mereka lebih cenderung kepada aspek-aspek kemahiran dan teknikal dan tidak mementingkan kecemerlangan akademik.

Metodologi Kajian

Populasi kajian ini ialah 3735 orang pelajar semester 1 sesi 2004/2005 yang berkelulusan STPM. Sampel kajian yang dipilih pula adalah berdasarkan *stratified sampling* iaitu berdasarkan kategori kemasukan ke universiti dan kursus yang diambil. Daripada jumlah tersebut, responden kajian yang sesuai dipilih adalah seramai 346 orang pelajar (Sekaran, 2003) tetapi dalam kajian ini responden yang terlibat adalah seramai 500 orang pelajar semester 1 yang berkelulusan STPM dan mengikuti kursus Kenegaraan Malaysia. Pemilihan responden kajian ini tidak mengambilkira jantina, fakulti dan program pengajian.

Dapatan kajian

Profil latar belakang responden

Dapatan menunjukkan majoriti responden adalah pelajar perempuan iaitu sebanyak 79.6% dan pelajar lelaki hanya 20.4%. Dari segi etnik terdapat 338 (67.6%) pelajar Melayu, 107 (21.4%) pelajar Cina, 34 (6.8%) pelajar India dan 21 (4.2%) lain-lain etnik pelajar seperti Kadazan, Bisaya dan Iban.

Status sosio-ekonomi ibubapa responden

Dari segi peringkat pendidikan ibu mengikut etnik pelajar, didapati 43.4% ibu pelajar mendapat pendidikan sekolah rendah manakala 1.4% sahaja yang memperoleh pendidikan sehingga ke universiti. Taburan berdasarkan etnik juga menunjukkan peratusan yang tertinggi untuk peringkat pendidikan sekolah rendah iaitu 38.8% pelajar Melayu, 56.1% pelajar Cina, 58.8% pelajar India dan 28.6% pelajar lain-lain etnik. Taburan juga menunjukkan peringkat pendidikan ibu berkelulusan universiti mengikut etnik adalah rendah, di mana hanya 1.8% untuk etnik Melayu dan 0.9% untuk etnik Cina. Peringkat pendidikan bapa mengikut etnik menunjukkan sebanyak 35.4% mendapat pendidikan sekolah rendah dengan peratusan tertinggi daripada etnik Cina iaitu 40.2% dan peratusan terendah sebanyak 32.4% dari etnik India. Peringkat pendidikan bapa yang mendapat peratusan yang terendah ialah diploma iaitu sebanyak 2.8%.

Jenis pekerjaan ibu mengikut etnik pelajar pula menunjukkan bahawa sebanyak 81% ibu pelajar tidak bekerja. Majoriti mengikut kaum menunjukkan etnik Cina iaitu seramai 84.1% tidak bekerja diikuti dengan etnik Melayu 81.7%. Peratusan terendah pula sebanyak 3.3% adalah kakitangan swasta dari etnik Melayu. Taburan mengikut etnik bagi ibu yang bekerja mendapati bekerja sendiri mempunyai peratusan yang tinggi mengikut etnik iaitu 6.2% Melayu, 7.5% Cina, 8.8% India dan 38.1% lain-lain. Manakala jenis pekerjaan bapa mengikut etnik pelajar menunjukkan bahawa sebanyak 81.8% bapa pelajar bekerja dan yang selebihnya tidak bekerja. Bekerja sendiri mempunyai peratusan tertinggi iaitu 55.6%. Taburan mengikut bapa yang bekerja juga mendapati bekerja sendiri mempunyai peratusan yang tinggi mengikut etnik iaitu 53% Melayu, 66.4% Cina, 35.3% India dan 76.2% lain-lain.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar datang dari keluarga yang berpendapatan dari RM 500.00 sehingga RM 999.00 dengan mendapat peratusan sebanyak 40.8%. Seramai 1.8% pelajar datang dari keluarga yang tidak mempunyai pendapatan. Dari segi etnik juga didapati etnik Melayu 41.4%, Cina 41.1%, India 35.3% dan lain-lain etnik 38.1% datang dari keluarga yang berpendapatan dari RM 500.00 sehingga RM 999.00. Pendapatan tertinggi iaitu RM 2000.00 ke atas hanya terdapat 11.4% pelajar sahaja.

Min Merit Pelajar

Dapatan menunjukkan min merit yang diperolehi oleh 500 orang responden iaitu 3.54. Ini menunjukkan pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang sahaja berpeluang untuk memasuki universiti.

Hubungan antara status sosio-ekonomi ibubapa dengan merit pelajar

Dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara peringkat pendidikan ibu dan merit pelajar iaitu pada tahap $p=.001$ iaitu $p<.00$ ($r=.180$). Walau bagaimanapun, ia menunjukkan hubungan yang lemah antara peringkat pendidikan ibu dan pencapaian merit oleh pelajar. Keadaan ini menunjukkan peringkat pendidikan ibu kurang memberi kesan kepada pencapaian merit yang tinggi oleh pelajar. Dari segi peringkat pendidikan bapa dan merit pelajar, dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara peringkat pendidikan bapa dan merit pelajar iaitu pada tahap $p=.00$ iaitu $p<.05$ ($r=.185$). Tetapi hubungannya adalah lemah. Ini menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan yang diterima oleh bapa, semakin berjaya anak mereka dalam bidang akademik tetapi ia tidak memberi kesan yang langsung.

Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis pekerjaan ibu dan merit pelajar iaitu pada tahap $p=.76$ iaitu $p>.05$ ($r=.014$). Keadaan ini menjelaskan bahawa jenis pekerjaan yang dilakukan oleh ibu tidak memberi kesan kepada pencapaian merit pelajar. Ujian korelasi antara Jenis pekerjaan bapa dan merit pelajar menunjukkan terdapat hubungan antara jenis pekerjaan bapa dan merit pelajar iaitu pada tahap $p=.00$ iaitu $p<.01$ ($r=.149$). Hubungan antara jenis pekerjaan dan merit pelajar adalah lemah.

Analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara jumlah pendapatan dan merit pelajar, di mana pada tahap $p=.00$ iaitu $p<.01$ ($r=.36$). Nilai r yang diperolehi menunjukkan bahawa walaupun hubungan antara pendapatan dan merit signifikan tetapi hubungannya adalah lemah. Ini menjelaskan bahawa peningkatan dalam pendapatan kurang mempengaruhi pencapaian merit di kalangan pelajar.

Perbincangan

Kajian menunjukkan peratus pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki iaitu sebanyak 79.6% berbanding 20.4%. Ini menunjukkan pelajar-pelajar perempuan lebih ramai memperolehi keputusan yang cemerlang berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Stockard dan Wood (1984) yang mendapati pencapaian pelajar lelaki adalah lebih rendah daripada pelajar-pelajar perempuan di sekolah-sekolah tinggi di USA dan kajian oleh Ponnu et al., (1995) yang menyatakan bahawa pelajar perempuan lebih rajin dan bersikap positif serta bercita-cita tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki.

Walaupun bagaimanapun, kajian oleh Razali Arof (1985) ke atas pelajar-pelajar program Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan

pelajar yang tidak berjaya adalah pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Kajian oleh Eccleston dan Burrows (1990) juga menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar lelaki GCE atau A-Level di USA mengatasi pencapaian pelajar-pelajar perempuan dalam semua subjek kecuali Bahasa Inggeris dan kesusasteraan.

Majoriti responden dalam kajian ini adalah Melayu iaitu 67.6% (338), diikuti Cina 21.4% (107), India 34 (6.8%) dan 4.2% (21) adalah lain-lain etnik. Berdasarkan faktor etnik, Sharifah Mohd Noor, (1992) dalam kajiannya mendapati bahawa etnik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Bangsa India menunjukkan hubungan yang negatif dan signifikan dengan pencapaian pelajar. Dalam kajiannya, beliau mendapati pelajar-pelajar India tidak mencapai prestasi akademik yang baik berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu dan Cina. Menurut Sharifah lagi, keadaan ini adalah dipengaruhi oleh kedudukan status sosio-ekonomi yang umumnya adalah rendah di kalangan masyarakat India.

Selain itu, ibubapa yang berpendidikan tinggi juga mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi. Mereka akan menyediakan keperluan pendidikan yang terbaik demi menjamin masa depan anak-anak mereka. Pendidikan yang tinggi lazimnya akan meletakkan seseorang pada tahap sosial yang tinggi. Anak-anak daripada keluarga yang berpendidikan tinggi mungkin juga lebih banyak menerima rangsangan kognitif. Oleh yang demikian, mereka lebih maju dalam pendidikan.

Kajian juga mendapati ada hubungan antara peringkat pendidikan ibubapa dengan merit pelajar. Hasil analisis ini menyokong kajian oleh Anuar Abdullah (1990) dan Dubow (1990). Hasil kajian mereka mendapati tahap pendidikan ibubapa mempengaruhi secara signifikan dengan pencapaian anak-anak. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan ibubapa, semakin berjaya anak-anak mereka kerana ibubapa tersebut melihat hubungan dengan anak-anak adalah sebagai dua hala (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin, 1999). Ibubapa yang berpelajaran tinggi akan bersikap liberal, terbuka serta sama-sama berganding bahu mengajar dan mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka. Penglibatan ibubapa dalam aktiviti anak-anak dan sanggup meluangkan masa bersama anak-anak di rumah serta mengambil tahu dalam pelajaran anak-anak akan membawa kepada peningkatan pencapaian akademik.

Tinjauan literatur menunjukkan banyak kajian telah membuktikan wujudnya perkaitan antara status sosio-ekonomi keluarga dengan pencapaian anak-anak dalam pendidikan. Anak dari keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang tinggi adalah lebih maju dalam persekolahan dan memperolehi gred pencapaian yang tinggi berbanding anak-anak daripada keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah.

Hasil analisis kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah pendapatan dan pencapaian merit oleh pelajar ($r=.360$). Kajian oleh Luster dan McAdoo (1991) ke atas anak-anak di Afrika-Amerika juga menunjukkan pendapatan keluarga mempunyai perkaitan yang positif dan signifikan dengan pencapaian akademik anak.

Rumusan

Ibubapa dan pelajar perlu memahami dan mempunyai kesedaran yang lebih tinggi terhadap dasar-dasar yang telah ditetapkan. Adalah wajar untuk semua pihak meningkatkan tahap pendidikan yang diperolehi dan bersaing untuk menjadi yang layak dan terbaik.

Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pelbagai pihak untuk memikirkan mekanisme yang praktikal. Ini akan menjamin sistem pendidikan dan kualiti pendidikan negara berada pada tahap yang terbaik. Sekiranya hanya kecemerlangan diambil kira, maka ramai pelajar dari kawasan mundur atau daripada keluarga miskin tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan dan lain-lain akan keciciran untuk melanjutkan pelajaran mereka. Adalah penting untuk mengiktiraf kecemerlangan pencapaian akademik pelajar walaupun mereka datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan. Justeru, ukuran kecemerlangan (merit) dan keperluan (kemampuan sosio-ekonomi) boleh digunakan untuk menentukan kemasukan pelajar ke IPTA.

Justeru, siapakah yang mendapat peluang ke IPTA adalah bersifat subjektif. Peluang terdapat di mana-mana sahaja tanpa mengira pangkat, harta dan kedudukan. Pendemokrasian pendidikan memberikan peluang yang sama kepada semua lapisan masyarakat. Ini bermakna tiada perbezaan peluang antara kaum untuk mendapatkan sumber ilmu sebagai perantaraan untuk memajukan diri dan kehidupan mereka. Setiap individu yang berada di mana-mana sahaja mempunyai hak untuk mendapat pendidikan secara formal tanpa ada pengasingan etnik mahupun peluang.

Gagasan pendemokrasian pendidikan akan menjadi tidak bermakna sekiranya para pelajar yang layak mendapat pendidikan tinggi akhirnya dinafikan peluangnya semata-mata kerana tiada tempat. Maka Jawatankuasa memperakukan supaya kerajaan, perbadanan awam dan swasta berganding bahu dan berusaha dengan pelbagai cara menyediakan tempat kepada semua warganegara yang bertekad untuk mengembangkan potensi diri masing-masing menerusi pendidikan tinggi (Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia, KPTM, 2005)

Dalam konteks kajian ini, peluang tetap sama kepada setiap individu. Cuma yang membezakan adalah keperluan tempat yang terhad untuk memasuki ke IPTA.

Bibliografi

- Anuar Abdullah. (1990). *Perkaitan di antara latar belakang dan konsep sendiri pelajar dengan pencapaian akademik*. Projek sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Berns, R. M. (1993). *Child, family, community: socialization and support*. (3rd ed.). Forth Worth: Harcourt Javanovich College.
- Dubow, E. F. (1990). Adjustment of children born and teenage mothers: The contributions of risk and protective factors. *Journal of Marriage and the family*. 52.
- Eccleston, G. B dan Burrows, A. (1990). Sex-related differences in academic performances at GCE/A-Level. *Educational Research*. Vol. 32. no.3: Winter.
- Ponnu, F. P. et. al. (1995). Do students fully realise their inherent qualities of good self-image, motivation and goal-setting?. *BRC Journal*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Luster, T. dan McAdoo, H.O. (1991). *Factors related to the achievement and adjustment of young african-american children*. Department of family and child ecology, Michigan State University.
- Razali Arof. (1985). *Rural students and academic performance: a case study of program Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia*. Unpublished PhD dissertation. Cornell University.
- Rosna Awang Hashim, Noran Fauziah Yaacob, Jahara Hashim, Abu Hassan Othman dan Ruzlan Md Ali. (2003). *Correlates of academic help seeking behaviors among adolescents: insights from a cognitive motivational perspective*. IRPA Research Grant. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach* (4nd ed.) Toronto: John Wiley & Sons, Inc.
- Sharifah Mohd Noor. (1992). Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid darjah satu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jilid 11, 1991/92. 61-69.
- Stockard, J and Wood, J. K. (1984). The myth of female underachievement: a re-examination of sex differences in academic underachievement. *American Education Research Journal*. 21:4.
- Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin. (1999). Perkaitan di antara faktor sosio-ekonomi dan pencapaian akademik anak. *Jurnal Kebajikan*. Vol. 21 Disember 1999.